



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 10 /2019
30 OKTOBER 2019 (2 RABIULAWAL 1441H)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Pertama kali saya ingin merafakkan kesyukuran yang tidak terhingga di atas nikmat kurniaan kesihatan yang diberikan kepada kita semua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis yang sentiasa bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk. Justeru itu, saya berharap agar layanan dan perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

2. BAJET 2020 : PENGURUSAN KESELAMATAN BANDAR, SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN DIPERKASA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan **Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya** yang mengandungi 4 aspek utama iaitu Keselamatan Persekutuan, Keselamatan Infrastruktur, Keselamatan

Digital dan Pengurusan Keselamatan/Penguatkuasaan. Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya ini mengandungi strategi dan langkah-langkah pelaksanaan secara menyeluruh ke arah menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya selamat, harmoni dan sejahtera menjelang 2030 seperti berikut:

- a) Pelaksanaan projek pemutihan kawasan “*Blackspot*” di kawasan perumahan bagi mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat, selesa dan harmoni. Kawasan *blackspot* ini merujuk kepada kawasan yang menimbulkan perasaan tidak selamat di kalangan penduduk setempat terhadap ancaman jenayah dan keselamatan. Program pemutihan ini melibatkan beberapa aktiviti dan tindakan terhadap empat sektor utama iaitu persekitaran, keselamatan, pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi.
- b) Sektor persekitaran meliputi projek-projek menaik taraf elemen Bandar Selamat, menambah baik sistem pengurusan sampah, menerangkan pencahayaan di kawasan-kawasan gelap yang berpotensi jenayah, memperkasakan program pengindahan bandar, menaik taraf akses laluan kendaraan dan memperkasakan penguatkuasaan secara bersepadu. Program-program keselamatan pula meliputi program-program rondaan dan kehadiran polis, mempertingkatkan kawalan keselamatan melalui pemasangan CCTV dan memperbanyakkan program kesedaran serta penglibatan penduduk terhadap keselamatan.
- c) Bagi pembangunan sosial pula, ia merangkumi program pembersihan pendatang tanpa izin dan operasi membanteras penagihan dadah secara bersepadu serta memperluaskan program kesedaran di kalangan belia dan penduduk terhadap permasalahan sosial.

Sehubungan itu, perancangan Program Bandar Selamat yang akan dilaksanakan pada tahun 2020 adalah seperti berikut:-

- i. Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* bagi mengurangkan kadar jenayah di kawasan *hotspot*
- ii. Program “OSH in School (Program Keselamatan Sekolah) di dua buah sekolah iaitu SMK Taman Medan dan SMK Lembah Subang
- iii. Pelaksanaan Pensijilan Siri Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001:2018
- iv. Pelaksanaan Pensijilan Siri Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2015.

Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) akan diteruskan pada tahun 2020. Majlis telah memperuntukan sebanyak **RM1.3 juta** bagi meneruskan kesinambungan program PKKPJ kepada Persatuan Penduduk (RA) / Rukun Tetangga (RT) / Badan Pengurusan Bersama (JMB) bagi menubuhkan dan melaksanakan program-program keselamatan di peringkat komuniti masing-masing.

Majlis juga menetapkan dan menggunakan 9 (sembilan) kriteria utama bagi tujuan menganalisa perlaksanaan program PKKPJ di peringkat Majlis untuk memastikan objektif program ini tercapai. Majlis akan terus bekerjasama dan memberikan sokongan kepada RA/RT/JMB bagi mencapai maksud tujuan ini.

3. PETALING JAYA BANDAR PEMBELAJARAN UNESCO 2019

Petaling Jaya telah diiktiraf sebagai salah satu daripada 10 pemenang Anugerah Bandar Pembelajaran oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) Pendidikan Sains dan Kebudayaan bagi tahun 2019 bersama-sama sembilan bandar raya lain dari seluruh dunia.

Anugerah dan pengiktirafan ini adalah susulan pencapaian dan kemajuan bandar raya Petaling Jaya di dalam sektor pendidikan. Selain bandar raya Petaling Jaya, anugerah ini turut diberikan kepada Aswan (Mesir), Chengdu (China), Heraklion (Greece), Ibadan (Nigeria), Medellin (Columbia), Melitopol (Ukraine), Santiago (Mexico), Seodaemun (Korea Selatan) dan Sønderborg (Denmark).

Petaling Jaya berkeluasan 97.2 km persegi dengan penduduk seramai 732,700 dan menyediakan sebanyak 101 sekolah rendah dan menengah, 182 buah pra sekolah dan 45 buah kolej dan universiti. Di Petaling Jaya juga terdapat 6 buah perpustakaan komuniti yang dikendalikan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Meskipun terdapat titik permulaan yang sangat berbeza dan pelbagai konteks ekonomi, politik, sosial dan alam sekitar, semua pemenang Anugerah Bandar Pembelajaran UNESCO 2019 telah memulakan dasar dan program khusus inovatif dan sasaran yang memberikan peluang yang baik untuk komuniti mereka untuk mendapat manfaat dalam pembelajaran sepanjang hayat, menurut UNESCO dalam kenyataan yang disiarkan dalam laman webnya.

Pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi menyemarakkan lagi usaha pembelajaran berterusan bagi penduduk Petaling Jaya. Selaras dengan usaha menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebuah bandar peneraju,

MBPJ meneruskan usaha untuk memperkasakan sumber yang ada termasuk melibatkan kerjasama rakan strategik bagi memastikan penduduk Petaling Jaya mendapatkan akses pembelajaran meliputi pelbagai lapisan masyarakat.

MBPJ telah mengenalpasti 8 kategori utama sebagai fokus di dalam Program Pembelajaran ini iaitu Kebudayaan & Kesenian (Arts & Culture), Pelajaran (Education), Keusahawanan (Entreprenuership), Kesihatan (Health & Wellness), Alam Sekitar (Environment), Kerohanian (Spirituality), Teknologi (Technology), Keselamatan (Safety) melibatkan kumpulan sasaran yang terdiri daripada kanak-kanak, dewasa, pelajar sekolah, pekerja, peniaga, wanita, golongan kurang berkemampuan dan golongan kurang upaya.

Pelbagai inisiatif yang telah disediakan untuk dimanfaatkan oleh penduduk Petaling Jaya antaranya ialah Projek Karung Kitar, Program Pembelajaran kanak-kanak dengan Kidzania, Program Pembelajaran ICT bersama komuniti, Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) di sekolah, Jom Sihat, Garis Panduan Trak Makanan, Smart PJ Waste Solution Lab, Program Pendidikan Bukit Gasing, Pertandingan Bercerita, Pertukaran Pelajar Antarabangsa dengan bandar raya persahabatan, PJ Fair, I-play Park, bengkel usahawan wanita dan lain-lain lagi.

Inisiatif Majlis dalam menyediakan *PJ City Bus* secara percuma dengan kemudahan untuk golongan orang kurang upaya beserta perkhidmatan wifi. Beroperasi seawal jam 6.00 pagi hingga 9.00 malam merangkumi Petaling Jaya Utara dan Petaling Jaya Selatan. Perkhidmatan ini melibatkan sebanyak 32 buah bas dengan 2 daripadanya adalah bas elektrik. MBPJ juga telah menyediakan **perkhidmatan bas sekolah**

percuma yang meliputi 25 buah sekolah dan memberi tumpuan kepada kawasan golongan kurang berkemampuan.

Dalam menjayakan matlamat Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai bandar pembelajaran sepanjang hayat yang diiktiraf UNESCO, Majlis telah menjalin persefahaman dan kerjasama strategik dengan dua universiti di Petaling Jaya iaitu Kolej Saito dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dengan memfokuskan pendidikan secara formal dan peluang biasiswa kepada penduduk Petaling Jaya khasnya dan rakyat Malaysia umumnya yang melanjutkan pelajaran di universiti ini.

Penglibatan MBPJ bermula pada 18 – 20 September 2017 MBPJ setelah mendapat jemputan dari UNESCO untuk menghadiri “International Conference on Learning Cities” di Cork City Hall, Ireland. Seminar tersebut memberi pelbagai pendedahan tentang pembangunan mampan sesebuah bandar dengan mengambil kira kepentingan penerapan pembelajaran dan pengetahuan kepada warganya bermula dari kanak-kanak sehingga kepada warga emas.

Susulan dari itu, Majlis telah menjadi ahli UNESCO Global Network of Learning Cities (GNLC) pada 7 Jun 2018. Keahlian ini bertujuan menjadi sebahagian daripada rangkaian di dalam bandar raya pembelajaran yang lain serta dapat memupuk hubungan, perkongsian idea, membina kapasiti dan membangunkan instrumen untuk menggalakkan dan mengiktiraf kemajuan dalam membina bandar pembelajaran.

Pengiktirafan anugerah ini telah diadakan di majlis Persidangan Antarabangsa Bandar Pembelajaran di Medelin, Columbia pada 30 September 2019 yang lalu.

4. LOW CARBON CITIES 2030 CHALLENGE

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima 3 anugerah bagi program Low Carbon Cities 2030 Challenge anjuran MESTECC dan Greentech Malaysia pada 9 Oktober 2019 bersempena dengan International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) 2019 di KLCC.

3 anugerah tersebut adalah seperti berikut:

- a) 2 anugerah **Provisional Certificate** bagi kawasan Seksyen 13 dan Pusat Bandar Petaling Jaya. Pensijilan ini adalah untuk mengiktiraf komitmen Majlis dalam mengurangkan *carbon emission* di 2 kawasan ini. Elemen yang diambil kira dalam pengukuran karbon adalah tenaga, air, sisa dan penghijauan dan *baseline* karbon bagi kawasan adalah tahun 2017 dan 2018.
- b) 1 anugerah **Diamond Recognition** bagi kriteria Low Carbon Cities Design bagi kawasan Seksyen 13 dimana potensi pelepasan gas rumah hijau dapat dikurangkan sebanyak 5.88% tan CO₂ equivalence berbanding dengan pembangunan secara konvensional. Pengiraan ini telah mengambil kira syarat-syarat pembangunan yang telah ditetapkan di dalam RKK Seksyen 13 dan kaedah pengiraan plot ratio bagi kawasan Seksyen 13. Bagi aspek ini, MBPJ telah mendapat 1 diamond manakala bagi aspek *carbon sequestration* di Seksyen 13, MBPJ mendapat 5 diamond kerana dapat meningkat potensi penyerapan karbon oleh pokok sebanyak 50% setahun. Lebih manis, bagi kategori design yang julung kali diadakan ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya merupakan **penerima anugerah pertama**.

Memandangkan program Low Carbon Cities 2030 Challenge ini akan dilaksanakan selama 10 tahun, aktiviti menurunkan pelepasan karbon di 2 kawasan ini akan terus dipertingkatkan sehingga mendapat pengiktirafan diamond selain mengenalpasti kawasan baru yang berpotensi menyertai program ini.

5. AMALAN TERBAIK PENGURUSAN NILAI PERKHIDMATAN AWAM

Pada 9 Oktober yang lalu bertempat di Putrajaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah diangkat sebagai antara penerima **Anugerah Amalan Terbaik Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam** yang julung-julung kali diadakan dalam usaha pihak agensi untuk memberi penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni di kalangan penjawat awam.

Selain Majlis, lima (5) agensi lain yang telah menerima anugerah ini adalah **Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**, **Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)**, **Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor** dan **Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Sembilan**.

Tujuan utama pengiktirafan ini adalah untuk:

- a) Memberi pengiktirafan secara formal kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang mencapai tahap Pengurusan Nilai yang cemerlang berdasarkan hasil keputusan **Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)**.
- b) Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam.

- c) Memastikan keberkesanan amalan nilai teras menerusi program-program nilai yang diadakan adalah pada tahap maksimum dan memberi impak positif di dalam perkhidmatan awam.
- d) Menggalakkan persaingan yang sihat di antara Kementerian/Jabatan/ Agensi ke arah memperbaiki dan menambah baik pengurusan nilai-nilai murni.

Kriteria-kriteria penerima anugerah adalah berdasarkan **Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) tahun 2017 & 2018, Jumlah Penglibatan Warga dalam Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN), Usaha-usaha Ke Arah Pembudayaan Bersih, Cekap dan Amanah dan Pengurusan Pembangunan Nilai dan Etika.**

6. SISTEM E-CAGARAN MEMUDAHKAN URUSAN PELANGGAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melancarkan **Sistem e-Cagaran** bagi memudahkan orang ramai membuat tuntutan wang cagaran secara atas talian.

Pelancaran sistem ini merupakan inisiatif Majlis dalam menaik taraf sistem cagaran lama yang telah diguna pakai sejak tahun 2003. Oleh hal demikian pada tahun 2017, Majlis telah membuat keputusan untuk menaik taraf sistem berkenaan kepada sistem e-cagaran baru yang mesra pelanggan. Proses menaik taraf sistem ini mengambil masa selama 18 bulan dan telah mula diguna pakai pada **1 Februari 2019**.

Majlis juga telah menetapkan beberapa perkhidmatan yang diberikan di Majlis perlu membayar cagaran bagi memastikan syarat yang ditetapkan oleh Majlis dipatuhi. Bagi tahun ini, Majlis

telah go-Live Sistem e-Cagaran yang baru dengan mengambil kira beberapa penambahbaikan berbanding sistem yang lain. Antara penambahbaikan yang dibuat adalah seperti berikut :

- a) Sistem ini menggunakan *web based* berbanding *client based* yang digunakan sistem sebelum ini. Dalam pada masa yang sama boleh diakses daripada mana-mana sumber internet tidak terhad kepada intranet pejabat.
- b) Bil cagaran akan menggunakan unik ID untuk merekod cagaran. Cagaran akan disimpan menggunakan nombor kad pengenalan, nombor tentera, nombor passport atau nombor pendaftaran syarikat/perniagaan.
- c) Sistem e-Cagaran berintergrasi dari sistem lain seperti sistem e-tempahan atau sistem e-lesen bagi mewujudkan bil cagaran. Pengguna dalaman tidak perlu untuk log in sistem yang berbeza bagi mewujudkan bil cagaran. Data bil cagaran dari sistem lain boleh berintergrasi terus dengan sistem e-cagaran. Sistem Ini dapat menjimatkan masa pengguna/kakitangan yang berurusan di kaunter Majlis.
- d) Pengguna/kakitangan boleh melihat status bil cagaran bukan sahaja yang terdapat di dalam kawalan jabatan malah melibatkan semua jabatan.
- e) Sistem e-cagaran yang baru ini berupaya untuk membuat pemulangan semula melalui kaedah *Electronic Fund Transfer* (EFT) berbanding pemulangan menggunakan kaedah cek.
- f) Pengguna boleh membuat semakan status cagaran melalui Laman Web Majlis. Dipaparkan tersebut, akan memaklumkan status terkini cagaran yang diterima oleh Majlis.

7. PROGRAM ASAS PERKEBUNAN UNTUK GOLONGAN B40 BANDAR

Dewasa ini, cabaran komuniti pada masa kini adalah berhadapan dengan isu peningkatan kos sara hidup yang memberi kesan terhadap sosio ekonomi khususnya mereka yang tinggal di kawasan bandar. Sekiranya tidak ditangani dengan baik, tidak mustahil akan mengundang pelbagai masalah sosial seperti keruntuhan akhlak, kemerosotan pendidikan, masalah kejiranan, kemiskinan, kesihatan termasuk kesan dalam aspek pematuhan peraturan-peraturan perbandaran.

Melalui ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin dengan kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan **Program Asas Perkebunan Khusus Untuk Golongan B40 Bandar**.

Pelaksanaan program ini adalah memfokuskan kepada usaha untuk melatih golongan B40 yang berumur 18 tahun ke atas untuk mendalami ilmu asas perkebunan bagi tanaman *edible* seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan herba serta penternakan lebah kelulut. Melalui usaha yang dijalankan ini juga, golongan berkenaan dapat meningkatkan kemahiran selain dapat menambah pendapatan individu dengan menjalankan aktiviti perniagaan penjualan bahan makanan segar di kawasan kejiranan serta memberi peluang mengembangkan perniagaan.

Objektif pelaksanaan program ini juga adalah bertujuan untuk membantu memberi kesedaran dan menggalakkan penglibatan dan pendedahan tentang ilmu usahawan melalui perkebunan dan pertanian. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan ekonomi isi rumah dan negara

dalam bidang keusahawanan sebagai pemangkin kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Usaha ini turut memperkenalkan kaedah pertanian berskala kecil yang boleh dibuat di halaman rumah. Pelaksanaan program ini turut mempromosi dan menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan komuniti bagi membentuk masyarakat yang pentingkan kesihatan.

8. MAJLIS PUPUK KEMPEN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH DAN TADIKA

Tanpa kita sedari, setiap penduduk di negara kita telah menghasilkan sampah sarap domestik antara satu hingga dua kilogram sehari. Isu sampah sebenarnya merupakan isu yang tidak pernah putus untuk diperkatakan. Keperihatinan, sikap dan tanggungjawab rakyat Malaysia sangat perlu diperbaiki bagi mewujudkan suasana yang lestari demi kesejahteraan yang sentosa.

Sikap masyarakat dan kesedaran sivik dalam konteks penjagaan kebersihan persekitaran dan pemeliharaan alam sekitar masih lagi berada di tahap rendah. Sedar atau tidak, negara kita masih lagi berhadapan dengan isu-isu lama seperti membuang sampah merata-rata, membuang sisa pepejal secara haram dan amalan 3R (*Reduce, Reuse and Recycle*) yang masih rendah dalam kalangan masyarakat.

Justeru, mengambil cakna sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab, Majlis telah mengadakan kempen kitar semula peringkat sekolah dan tadika. Tujuan penganjuran kempen ini diadakan adalah untuk memupuk kecintaan dan meneruskan amalan kitar semula di kalangan kanak-kanak dan pelajar-pelajar sekolah.

Majlis telah membelanjakan hampir RM 8.5 juta setahun sebagai kos pelupusan sampah. Sekiranya sasaran 30% kadar kitar semula Majlis tercapai, ini bermakna Majlis dapat menjimatkan 30% ataupun RM 2.5 juta daripada kos pelupusan sampah. Oleh itu, kempen 3R di peringkat sekolah dan tadika amat dialu-alukan bukan saja sebagai langkah pengurangan sampah dan karbon dioksida serta pencemaran alam sekitar, malah penjimatan dari segi kos pentadbiran.

Justeru, perubahan minda ke arah melahirkan masyarakat yang lebih menyedari akan kepentingan pengurusan sisa pepejal secara teratur dan sistematik sangat wajar dititik beratkan agar isu sampah seperti ini tidak lagi menjadi dilema yang berpanjangan di masa hadapan.

Setiap individu juga perlu mengetahui cara-cara untuk mengurangkan sampah dengan melaksanakan aktiviti kitar semula. Masyarakat perlu mengikis sikap pentingkan diri sendiri dengan beranggapan kontraktor yang dilantik sahaja yang ditugaskan untuk menguruskan sampah-sampah mereka.

Sekian, terima kasih.